

## BAB I

### PENGENALAN

#### Kepentingan Pendidikan

Pendidikan adalah kunci kejayaan sesebuah negara. Pendidikan juga adalah hak semua, tidak kira untuk siapa, di mana dan bagaimana ia dikendalikan. Menurut The National Coalition of Educational Equity Advocates, (dipetik oleh Campbell dan Store, 1996: 285) semua orang harus diberi peluang yang sama untuk mendapat pendidikan yang berkualiti tinggi tanpa mengira ras, warna kulit, agama, jantina, umur, kecacatan, tempat asal atau kelas sosial. Dalam era yang kian mencabar ini, pendidikan bukan sahaja dilihat sebagai mempunyai fungsi sosial dan moral tetapi sebagai satu keperluan ekonomi. Malah, pendidikan menjadi batu loncatan ke arah mencapai tingkat sosial dan tahap kesejahteraan yang lebih tinggi dan selesa. Walau bagaimapun, tidak semua orang mempunyai peluang untuk mendapat pendidikan yang berkualiti.

Pada umumnya, sistem pendidikan menyediakan peluang yang terhad kepada rakyat luar bandar yang miskin di mana ada yang terpaksa meninggalkan bangku sekolah pada umur yang muda untuk bekerja dan ada pula yang terpaksa berhenti sekolah kerana masalah keluarga atau kewangan. Ramai juga pelajar yang berminat dan layak memasuki institusi pendidikan tetapi tidak mendapat tempat kerana kekurangan tempat belajar. Di samping itu, dari segi pengajar, bilangan pelajar yang mengikuti pengajaran konvensional melebihi nisbah guru yang diperuntukkan. Organisasi pendidikan tidak dapat menyediakan tenaga profesional yang cukup serta menghadapi kekurangan kemudahan

fizikal dan sistem sokongan pengurusan. Oleh yang demikian, satu alternatif lain selain pendidikan konvensional perlu disediakan ke arah pemelajaran seumur hidup.

Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) merupakan ‘peluang kedua’ dan alternatif yang paling baik ke arah menanggani masalah ini (Yusuf dan Sharifah, 1999: 16-17).

### **Sejarah Perkembangan Pendidikan Jarak Jauh (PJJ)**

Manusia telah belajar secara jarak jauh sejak beberapa kurun kebelakangan ini. Buku-buku telah memberi maklumat dan pengetahuan tanpa mengira jarak dan masa. Manusia telah belajar melalui kata-kata pemikir-pemikir seperti Socrates, Gandhi dan Marx (Perraton, 1984: 5). Walau bagaimanapun pendidikan jarak jauh membawa maksud yang lebih luas daripada pengedaran buku-buku dan kata-kata sahaja. Kita memang boleh belajar melalui buku-buku tetapi seorang pelajar memerlukan lebih daripada buku untuk belajar secara lebih efektif.

Apakah yang dimaksudkan dengan pendidikan jarak jauh? Pendidikan jarak jauh bukan bermaksud semua pengajaran-pembelajaran yang tidak berlaku secara bersemuka (Wedemeyer, 1976: 4-14). Menurut Lord Walter Perry, (1976: 23) Naib Cancellor pertama Universiti Terbuka United Kingdom , PJJ bukan pendidikan yang berlawanan dengan pendidikan formal secara bersemuka tetapi :

“One main purpose was to offer those who had not earned a basic degree, for whatever reason, a chance to do so.... A second goal, one that I always believed was the utmost importance was to offer to many a chance of updating their education with refresher courses that could be taken without having to drop out of the work force and without having to build extensive new brick and mortar campus facilities to house them.”

Terdapat banyak definisi-definisi yang telah diberikan oleh pakar-pakar pendidikan jarak jauh dan dapatlah dirumus bahawa pada umumnya sesebuah institusi pendidikan jarak jauh mempunyai ciri-ciri berikut:

1. Konsep terpisah antara pengajar dan pelajar yang membezakan PJJ dari pendidikan formal bersemuka.
2. Ujudnya organisasi pendidikan yang membezakannya dari belajar sendiri.
3. Penggunaan mod pembelajaran berupa bahan bercetak, media teknikal dan elektonik
4. Ujudnya komunikasi dua hala supaya pelajar mendapat manfaat dan boleh menggalakkan dialog.
5. Pertemuan semuka yang bagi tujuan didaktik dan sosialisasi.
6. Pendidikan dapat disebar luas kepada orang ramai tanpa mendirikan sekolah-sekolah.
7. Skel ekonomi besar-besaran juga dapat dicapai kerana bahan pelajaran yang telah disediakan boleh digunakan untuk kumpulan pelajar yang besar dengan kos yang rendah.
8. Memerlukan disiplin diri yang tinggi dari kalangan pelajar.

Pendidikan jarak jauh yang dianggap sebagai ‘cinderelia’ dalam spektra pendidikan muncul dalam tahun 1970-an dan telah berkembang dengan pesat dalam tahun-tahun 80an hingga menjadi komponen yang bernilai dalam sistem pendidikan kebangsaan baik di negara-negara maju maupun di negara-negara sedang membangun (Sewart, 1983: ix). Sebenarnya, institusi PJJ yang pertama telah didirikan pada pertengahan kurun ke-19 tetapi pada ketika itu ia lebih dikenali sebagai institusi gaya pos. Bahan pembelajaran yang digunakan ketika itu ialah bahan cetak dan sistem hantaran melalui surat-menurut atau pos. Sebagai contoh, Issac Pitman memulakan kursus trengkas secara pos dalam tahun 1840 dan dalam tahun 1856, pengajaran bahasa

melalui pos bermula di Jerman ( Yusuf dan Sharifah, 1999: 18). Dalam tahun 1938, International Council for Correspondence Education telah didirikan di Kanada yang kemudiannya bertukar menjadi International Council for Distance Education menjelang tahun 1982 (Moore, 1990: 207-210). Pada tahap pengajian tinggi pula, The Open University United Kingdom telah menjadi universiti yang pertama menawarkan pendidikan jarak jauh dengan bilangan pelajar seramai 24,000 orang. Universiti ini telah menjadi contoh kepada negara-negara lain di dunia. Kini ia telah mencapai tahap sebuah ‘mega universiti’ dengan pelajar seramai 150,000 orang (Daniel, 1996). Menurut The International Data Corporation, bilangan pelajar kolej yang akan mendaftar bagi kursus-kursus PJJ telah mencapai 710,000 dalam tahun 1998 dan akan mencapai bilangan 2.2 juta pada tahun 2002. Adalah juga diramalkan bahawa menjelang tahun 2002, 85% daripada institusi-institusi pengajian tinggi akan menawarkan kursus-kursus diploma dan ijazah secara PJJ (Hirst, Februari 9, 1999):

<http://distancelearn.about.com/gi/pages/mmail.htm>). Ini jelas menunjukkan bahawa sambutan dan kesedaran orangramai terhadap pendidikan jarak jauh semakin menggalakkan.

### **Mod Pembelajaran dalam Pendidikan Jarak Jauh (PJJ)**

Pada prinsipnya, kaedah pendidikan jarak jauh mendukung konsep terpisahnya pengajar dan pelajar. Dengan itu pengajaran-pembelajaran berlangsung melalui bahan-bahan pembelajaran kendiri dengan menggunakan pelbagai mod pembelajaran.

Sewart, Keegan dan Holmberg (1983: 75) berpendapat bahawa:

“Distance teaching may be defined as the family of instructional methods in which the teaching behaviours are executed apart from the learning behaviours, including those which in a contiguous situation would be performed in the learner’s presence, so that communication between the teacher and the learner must be facilitated by print, electronic, mechanical or other devices.”

Sedang kita menuju ke alaf baru, kita terpaksa berdepan dengan kuasa Revolusi Informasi yang mengubah cara hidup kita. Teknologi maklumat dan komunikasi telah memberi kesan yang besar ke atas pendidikan jarak jauh. Komputer dalam pendidikan dengan kemudahan Internet membolehkan institusi PJJ menyediakan pengajian yang berkualiti dengan memberi penekanan kepada pembangunan kemahiran melalui kaedah teknologi terkini. Ini akan membolehkan pembelajaran dan pengajaran dalam pendidikan jarak jauh dijalankan supaya pelajar tidak menghadapi sebarang kekurangan dari segi pengajaran. Pelajar turut merasa jalinan atau perhubungan antara guru dan murid, walaupun tidak bersemuka. Mod pembelajaran yang digunakan sepatutnya dapat menyalurkan segala aspek pengajaran seperti yang dilaksanakan dalam pengajaran bersemuka.

### **Perkembangan Pendidikan Jarak Jauh di Malaysia**

Seperti di negara-negara lain di dunia, di Malaysia, mod pembelajaran yang mula-mula digunakan dalam pendidikan jarak jauh ialah sekolah gaya pos yang menyediakan pendidikan koresponden yang menggunakan perkhidmatan pos untuk mengirim bahan-bahan pembelajaran kepada pelajar. Institusi-institusi yang pertama menawarkan kursus-kursus ini ialah Raffles Correspondence College, Malaysian

Sewart, Keegan dan Holmberg (1983: 75) berpendapat bahawa:

“Distance teaching may be defined as the family of instructional methods in which the teaching behaviours are executed apart from the learning behaviours, including those which in a contiguous situation would be performed in the learner’s presence, so that communication between the teacher and the learner must be facilitated by print, electronic, mechanical or other devices.”

Sedang kita menuju ke alaf baru, kita terpaksa berdepan dengan kuasa Revolusi Informasi yang mengubah cara hidup kita. Teknologi maklumat dan komunikasi telah memberi kesan yang besar ke atas pendidikan jarak jauh. Komputer dalam pendidikan dengan kemudahan Internet membolehkan institusi PJJ menyediakan pengajian yang berkualiti dengan memberi penekanan kepada pembangunan kemahiran melalui kaedah teknologi terkini. Ini akan membolehkan pembelajaran dan pengajaran dalam pendidikan jarak jauh dijalankan supaya pelajar tidak menghadapi sebarang kekurangan dari segi pengajaran. Pelajar turut merasa jalinan atau perhubungan antara guru dan murid, walaupun tidak bersemuka. Mod pembelajaran yang digunakan sepatutnya dapat menyalurkan segala aspek pengajaran seperti yang dilaksanakan dalam pengajaran bersemuka.

### **Perkembangan Pendidikan Jarak Jauh di Malaysia**

Seperti di negara-negara lain di dunia, di Malaysia, mod pembelajaran yang mula-mula digunakan dalam pendidikan jarak jauh ialah sekolah gaya pos yang menyediakan pendidikan koresponden yang menggunakan perkhidmatan pos untuk mengirim bahan-bahan pembelajaran kepada pelajar. Institusi-institusi yang pertama menawarkan kursus-kursus ini ialah Raffles Correspondence College, Malaysian

Correspondence College, Maktab Adabi dan Maktab Federal. Kursus yang ditawarkan pula adalah untuk pelajar lepasan sekolah yang tidak berpeluang melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam atau lima. Pada peringkat pengajian tinggi pula, Universiti London dengan kerjasama Majlis Peperiksaan Malaysia telah lama menawarkan ijazah luaran secara gaya pos. Pada tahun 1971, Universiti Sains Malaysia telah menjadi universiti yang pertama menawarkan ijazah secara luar kampus dengan pelajar seramai 76 orang. Sembilan belas tahun kemudian, barulah Institut Teknologi Mara mula menawarkan kursus-kursus di peringkat diploma dan dikuti pula oleh Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 1995. Seterusnya Universiti Malaya, Universiti Putra dan Universiti Teknologi Malaysia turut menawarkan PJJ pada tahun 1996 ( Yusuf dan Sharifah, 1999 : 22). Mod pembelajaran yang digunakan terdiri daripada modul-modul yang dibekalkan kepada pelajar, pertemuan bersemuka dengan pensyarah-pensyarah dan sesi sidang audio.

Kini, pendidikan jarak jauh di Malaysia semakin berkembang selaras dengan perkembangan dalam teknologi komunikasi dan satelit. Institusi-institusi swasta yang mula melihat potensi dalam pendidikan jarak jauh mula menawarkan satu kaedah pengajian tinggi yang canggih, menggunakan teknologi terkini dengan kos yang berpatutan. Universiti Tun Abdul Razak merupakan universiti yang sedang bergerak ke arah pembelajaran maya di mana telekomunikasi seperti Intergrated Switched Digital Network (ISDN) dan media electronik yang lain iaitu Internet, CD-ROM dan perpustakaan ‘virtual’ digunakan sebagai mod pembelajaran yang berteknologi tinggi. Mod pembelajaran ini membantu pelajar dari segi kelajuan dan ketepatan mendapat maklumat sehingga pelajar tidak akan merasa jarak yang memisahkannya dari pensyarah. Pada masa yang sama Universiti Terbuka Malaysia sedang membangun

kearah menjadi satu realisasi dan ini akhirnya akan memantapkan status pendidikan jarak jauh di Malaysia (The Sunday Star, 24 Oktober 1999: 4).

### **Pernyataan Masalah**

Perkembangan yang pesat dalam teknologi memberi kesan terhadap mod pembelajaran yang digunakan dalam pendidikan jarak jauh. Mod pembelajaran akan disediakan selaras dengan perkembangan semasa iaitu dengan bantuan teknologi terkini. Ramai yang beranggapan bahawa teknologi terkini dapat menggantikan segala mod pembelajaran yang selama ini menjadi kekuatan PJJ. Dapatkah komputer dan Internet mengambil alih sepenuhnya mod pembelajaran yang digunakan selama ini? Apakah pandangan pelajar? Adakah mereka selesa, seronok dan konfiden menggunakan mod pembelajaran? Adalah penting bagi penyelidik mengkaji faktor-faktor yang mendorong dan menghalang penggunaan satu-satu mod pembelajaran kerana ini akan menentukan keberkesanan mod pembelajaran yang digunakan. Kajian ini akan memberi maklumat yang bermilai kepada institusi-institusi jarak jauh baik kerajaan dan swasta di dalam penyediaan kursus-kursus mereka dari segi mod pembelajaran atau kombinasi mod yang bersesuaian dengan pelajar.

### **Tujuan Kajian**

Pada hari ini, di Malaysia, ramai yang menunjukkan minat untuk melanjutkan pelajaran melalui program-program yang ditawarkan melalui pendidikan jarak jauh. Kaedah yang mereka gunakan untuk mencapai hasrat ini adalah penting kerana ia akan menentukan keberkesanan pengajian mereka itu. Jadi, kajian ini bertujuan untuk melihat

mod-mod pembelajaran yang digunakan dan pandangan pelajar terhadap mod tersebut. Penyelidik juga bertujuan melihat kekuatan dan kelemahan satu-satu mod pembelajaran dalam mendidik para pelajar.

### **Soalan Kajian**

Berdasarkan kepada tujuan ini, beberapa soalan kajian telah dikenalpasti. Soalan kajian adalah berkaitan dengan penggunaan mod pembelajaran dalam pendidikan jarak jauh. Kajian ini sepatutnya menjawab soalan-soalan berikut.

1. Apakah mod pembelajaran yang digunakan?
2. Apakah mod yang paling gemar digunakan oleh pelajar?
3. Apakah mod yang tidak digemari oleh pelajar?
4. Adakah terdapat pertalian antara pengalaman komputer pelajar dengan pilihan mod pembelajaran?
5. Adakah pertalian antara umur pelajar dengan mod yang paling digemari?
6. Berapa kerapkah pelajar menggunakan satu-satu mod pembelajaran?
7. Adakah pelajar lebih selesa menggunakan satu mod pembelajaran atau kombinasi beberapa mod?
8. Adakah terdapat pertalian antara pilihan mod sebelum mengikuti kursus pendidikan jarak jauh dengan semasa mengikutinya?
9. Apakah faktor-faktor yang mendorong pelajar menggunakan satu-satu mod pembelajaran?
10. Apakah faktor-faktor yang menghalang pelajar menggunakan satu-satu mod pembelajaran?

## **Andaian**

Berikut merupakan andaian-andaian yang dibuat oleh penyelidik:

1. Pelajar didedahkan kepada beberapa mod pembelajaran.
2. Pelajar menggunakan sekurang-kurangnya satu mod pembelajaran.
3. Pelajar yang mempunyai pengetahuan komputer lebih gemar menggunakan mod yang berteknologi tinggi seperti papan perbincangan Internet dan mel elektronik.
4. Pelajar yang lebih tua lebih gemar menggunakan mod pembelajaran yang konvensional seperti modul dan pertemuan bersemuka.

## **Signifikasi Kajian**

Semakin ramai yang memilih cara belajar melalui pendidikan jarak jauh. Sistem pendidikan yang berjaya biasanya mempunyai program pengajaran pembelajaran yang mantap dan berkesan. Mod pembelajaran yang digunakan oleh pelajar membantu pelajar dalam proses pengajian mereka. Keselesaan dan keseronokan pelajar menggunakan mod pembelajaran adalah penting bagi menjamin pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan berkesan.

Dengan mengetahui tentang mod pembelajaran yang sesuai dan gemar digunakan oleh pelajar, institusi-institusi pendidikan jarak jauh dapat menyesuaikan dan merombak rekabentuk kursus yang ditawarkan mengikut kehendak dan citara pelajar. Disamping itu faktor-faktor pendorong dan penghalang dalam penggunaan mod pembelajaran juga penting diketahui supaya proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih cekap. Ini seterusnya akan menjamin kejayaan pendidikan jarak jauh.

## **Limitasi Kajian**

Kajian ini akan terbatas kepada perkara berikut:

1. Kajian ini hanya melibatkan satu institusi pendidikan jarak jauh iaitu METEOR Distance Learning Sdn. Bhd. (MDLSB).
2. Kajian ini hanya melibatkan pelajar yang mengikuti program Kejuruteraan Elektrik.
3. Mod pembelajaran yang dikaji terbatas kepada mod yang digunakan oleh MDLSB.
4. Penggunaan mod pembelajaran adalah berbeza di antara institusi-institusi pendidikan jarak jauh di Malaysia. Oleh itu, dapatkan kajian ini tidak boleh dirumuskan kepada institusi-institusi lain. Dapatkan ini hanya sesuai bagi MDLSB.

Berikut merupakan definisi-definisi bagi beberapa istilah yang akan digunakan dalam kajian tentang mod pembelajaran ini.

### **Pendidikan Jarak Jauh (PJJ)**

Peters (1973: 206) menyatakan definisi PJJ seperti berikut.

“... a method of imparting knowledge, skills and attitudes which is rationalised by the application of division of labour and organisational principles as well as by the extensive use of technical media, especially for the purpose of reproducing high quality teaching material which makes it possible to instruct great numbers of students at the same time wherever they live. It is an industrialised form of teaching and learning.”

Dalam kajian ini penekanan akan diberi kepada mod pembelajaran yang digunakan dalam PJJ.

## **Mod Pembelajaran**

Cara atau teknik yang digunakan supaya segala komponen pengajaran-pembelajaran dapat disalurkan kepada pelajar pendidikan jarak jauh. Mod pembelajaran digunakan supaya aktiviti pengajaran-pembelajaran dapat dijalankan seperti dalam pendidikan formal bersemuka. Mod pembelajaran yang diberi penekanan dalam kajian ini adalah berupa modul bercetak, pertemuan bersemuka, sidang video, mel elektronik dan papan perbincangan Internet.

### **Modul Bercetak**

Membawa maksud unit-unit bercetak yang berasingan mengikut tajuk-tajuk dalam sesuatu kursus. Kombinasi unit-unit bercetak ini akan membentuk keseluruhan bahan cetak yang diperlukan dalam sesuatu kursus tertentu. Unit-unit ini mudah dirujuk dan digunakan oleh pelajar dalam proses pembelajaran mereka.

### **Sidang video**

Satu sidang yang dihadiri oleh pelajar di pusat wilayah masing-masing di mana pelajar dan pensyarah berpeluang berbincang mengenai sesuatu topik pelajaran. Sidang video melibatkan komunikasi dua hala di mana pelajar turut berpeluang melihat dan mendengar pensyarah mereka yang menjalankan kuliah dari Universiti Teknologi Malaysia di Johor Bahru. Sidang video dalam kajian ini diadakan dengan bantuan teknologi Intergrated Services Digital Network (ISDN) di Studio Telekom pusat-pusat wilayah tertentu.

### **Pertemuan bersemuka**

Pertemuan antara pelajar dan pensyarah yang memberi peluang kepada pelajar berkenalan dengan pensyarah di samping menyelesaikan keraguan-keraguan yang tidak difahami. Pertemuan bersemuka adalah cara belajar konvensional yang digunakan dalam pendidikan jarak jauh bagi memantapkan proses pengajaran dan pembelajaran.

### **Papan Perbincangan Internet**

Berbentuk papan kenyataan di mana pelajar boleh mengemukakan persoalan-persoalan mereka yang boleh dijawab oleh pensyarah atau rakan-rakan yang lain. Pensyarah turut boleh mengemukakan persoalan-persoalan atau maklumat tambahan mengenai kursus melalui papan perbincangan ini. Pelajar yang menggunakan mod ini perlu mempunyai kemudahan Internet.

### **Mod Elektronik (E-mail)**

Satu teknik menghantar mesej melalui komputer (dan modem) atau rangkaian (network). Pelajar akan mendapat mesej berkenaan dengan serta merta. Mod ini boleh digunakan oleh pelajar untuk berhubung dengan pensyarah atau rakan sekursus mereka.